

# Apakah Yang Saya Perlu Tahu Mengenai Kemampunan Sijil Takaful Berkaitan Pelaburan Saya?



Mengapakah saya mendapat **notifikasi** mengenai Sijil Takaful berkaitan pelaburan daripada Hong Leong MSIG Takaful?



Kami menitik berat mengenai kesejahteraan anda! Kesejahteraan tidak hanya tertakluk kepada kesihatan fizikal sahaja malah ia membawa makna yang lebih besar seperti mana anda membayangkan masa depan anda bersama kami. Oleh itu, kami telah mengambil inisiatif proaktif untuk memaklumkan kepada anda mengenai status nilai dana Sijil Takaful berkaitan pelaburan anda serta pilihan yang tersedia untuk memastikan kemampunan sijil sedia ada anda mampu bertahan sehingga tamat tempoh kontraknya.

Jika tindakan yang sepatutnya tidak diambil, sijil anda akan berisiko untuk ditamatkan atau luput sebelum tempoh matang.

Apakah **faktor-faktor** yang mungkin mengakibatkan ketidakcukupan nilai dana Sijil Takaful berkaitan pelaburan tidak bertahan sehingga tamat tempoh kontrak?

Tidak membayar sumbangan apabila tiba masanya



Membuat pengeluaran separa daripada dana



Pulangan pelaburan yang tidak memuaskan



Pertukaran antara dana berkaitan pelaburan (kepada dana tidak berprestasi)



Meningkatkan perlindungan Takaful tanpa penyelarasan sumbangan



Tidak Menyelaraskan sumbangan walaupun Tabarru' & caj-caj lain telah dikemaskini



Apakah yang perlu saya buat untuk memastikan Sijil Takaful berkaitan pelaburan sedia ada saya **kekal mampan**?

Pilihan yang diberi adalah berdasarkan status nilai dana di dalam Sijil Takaful berkaitan pelaburan sedia ada anda. Anda dinasihatkan untuk:

Membayar sumbangan dalam tempoh yang telah ditetapkan



Membayar amaun sumbangan tertunggak\*



Menyelaraskan pembayaran sumbangan yang sedia ada\*



Melakukan sumbangan berkala/sumbangan tunggal\*



Menyelaraskan perlindungan Takaful sedia ada\*



\*Jika berkenaan

Apakah langkah seterusnya yang perlu saya lakukan?

Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan pilihan yang diberi dan memaklumkan HLM Takaful melalui *Slip Jawapan Pelanggan* yang telah dilampirkan bersama notifikasi/surat berkenaan dan hantarkan ke e-mel [ReachUs@takaful.hongleong.com.my](mailto:ReachUs@takaful.hongleong.com.my)

Selain itu, anda juga boleh menghubungi perunding Takaful anda atau wakil Khidmat Pelanggan HLM Takaful di talian +603 76501800 untuk mendapatkan ilustrasi perniagaan terperinci yang baru.

